

PM: Pengaruh politik tidak diambil kira

KERAJAAN tidak mengambil kira pengaruh politik mana-mana pihak dalam penyerahan sesuatu projek di bawah konsep pengswastaan.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan, sesiapa sahaja yang layak akan dibenarkan mengemukakan permohonan bagi projek-projek yang kerajaan bercadang untuk diswastakan.

"Politik tidak boleh dikaitkan dengan perniagaan," tegas beliau.

Datuk Musa berkata demikian ketika mengulas penubuhan sebuah syarikat usahasama antara tiga parti anggota terbesar Bari-

KUALA LUMPUR, Selasa

san Nasional untuk mengendalikan perkhidmatan kontena dan membina sebuah pelabuhan kontena dekat Pelabuhan Kelang.

Usahaniaga melaporkan minggu lalu bahawa Umno, MCA dan MIC telah mencapai kata sepakat menubuhkan sebuah syarikat baru, Jasamoni Sdn Bhd bagi mengendalikan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang mulai tahun depan.

Jasamoni juga merancang pembinaan sebuah pelabuhan kontena

di Pualu Lumut dekat situ bagi mengambil alih keseluruhan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang dan melaksanakan projek perumahan di kawasan seluas 700 ekar di Wilayah Persekutuan.

Datuk Musa berkata, sesiapa sahaja boleh menubuhkan syarikat kerjasama bagi menjalankan sesuatu projek kerana ia adalah perkara biasa dalam kegiatan perdagangan.

"Tidak semesti sesebuah syarikat yang dipunyai oleh parti-parti politik terbesar akan diberikan keistimewaan mengendalikan sesuatu projek kerana semua aspek pengswastaan perlu dilihat sebelum ia dilaksanakan," te-

ggu Datuk Musa.

Katanya, keputusan muktamad mengenai projek usahasama perkhidmatan kontena itu belum lagi dibuat dan tawaran masih terbuka kepada syarikat-syarikat lain yang mampu mengendalikannya.

Datuk Musa menambah, sesebuah projek sama ada sesuai atau tidak untuk diswastakan tidak semestinya diambil teras tetapi mestilah dilihat dari semua aspek termasuk juga kekesanan pentadbiran dan pengurusannya.

Pemangku Perdana Menteri menggariskan tiga faktor penting sebelum sesuatu pengswastaan dijalankan.

● Melihat dari semua aspek konsep pengswastaan itu sebelum diberikan kepada sesuatu syarikat itu.

● Membuka tawaran seluas-luasnya kepada semua pihak yang merasakan mereka mampu bagi menjayakan sesuatu projek itu dan tidak terhad kepada sesebuah badan sahaja; dan

● Pengswastaan itu mestilah diberi tanpa mengira sama ada syarikat itu untuk kepentingan politik atau tidak

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia